

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>10</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2018</b>
<b>No.</b>	<b>1</b>		<b>1439</b>

---

- NILAI AGAMA ISLAM DALAM KESEDARAN BERAGAMA KALANGAN MASYARAKAT BAJAU DARAT KAMPUNG PENIMBAWAN TUARAN, SABAH .....3-15  
*Qurratu Ain Rapihi, Zaizul Ab. Rahman*
- PENGARUH VLOG DAKWAH TERHADAP KOGNITIF DAN AFEKTIF REMAJA DI PUTRAJAYA ...16-33  
*Muhamad Faisal Ashaari, Noor Hafizah Jujaji*
- TRAIT PERSONALITI PENDAKWAH MUSLIM: SATU SOROTAN LITERATUR ...34-54  
*Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Zainab Ismail*
- KONSEP HISBAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM ...55-78  
*Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don, Muhamad Faisal Asha'ari*
- HUBUNGAN INSENTIF KEIMANAN DAN AMALAN PENGAJARAN: KAJIAN TERHADAP GURU TAHFIZ SWASTA DI NEGERI PERAK ...79-94  
*Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman*
- KELANGSUNGAN SYARIAT ISLAM MENERUSI PERUNDANGAN MALAYSIA ...95-118  
*Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff, Mohd Musa Sarip, Wan Abdul Fattah Wan Ismai*
- DAKWAH MELALUI MEDIA BARU DI MALAYSIA: PELUANG ATAU CABARAN? ....119-128  
*Aini Maznina A. Manaf*
- MODEL PENGUKURAN APLIKASI MUDAH ALIH PANDUAN SOLAT ANDROID (MAPS) ...129-147  
*Siti Zuraida Abdul Manaf, Norazah Nordin, Helmi Norman, Ahmad Syukri Mohamad Zaid, Analisa Hamdan*
- PERLAKSANAAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KAEDAH Fiqh ... 148-162  
*Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abd Halim, Absha Atiah Abu Bakar, Hasnan Kassan*
- MENDEPANI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA MELALUI ILMU PERBANDINGAN AGAMA: TINJAUAN AWAL ...163-175  
*Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis*
- CHRISTIAN NEO-ORTHODOXY APPROACH TO RECONSTRUCTION OF RELIGIOUS THOUGHT ON SELECTED THEOLOGICAL ISSUES: AN ISLAMIC ANALYSIS ...176-187  
*Adibah Abdul Rahim*
- ISLAMOPHOBIA IN THE WEST MEASURING AND EXPLAINING INDIVIDUAL ATTITUDES by MARC HELBLING ... 188-189  
*Badlihisam Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don*

*Al-Hikmah 10(1) 2018: 95-118*

## Kelangsungan Syariat Islam Menerusi Perundangan Malaysia

The Sustainability of Islamic Laws Through Malaysian Legislation

MOHD MUSTAFFA JUSOH @ YUSOFF  
MOHD MUSA SARIP  
WAN ABDUL FATTAH WAN ISMAIL

### ABSTRAK

Syariat Islam dan perundangan tak dapat dipisahkan. Penulisan ini bertujuan untuk melihat justifikasi sistem perundangan yang berteraskan syariat Islam yang bersifat samawi yang membawa konsep mendidik dan bukan sekadar menyakiti. Persoalan yang melibatkan peruntukan perundangan sivil yang berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan enakmen negeri sebagai elemen perundangan mahkamah syariah di Malaysia bukanlah bertujuan untuk membawa aras perbincangan yang bersifat guaman dan kehakiman, tetapi sebagai metod instrumen yang menyokong laras perbincangan yang lebih bersifat sosio kemasyarakatan. Keperluan ke arah pemantapan perundangan Islam menerusi proses diplomasi dilihat semakin mendesak dan selari dengan perkembangan kehidupan dan kemaslahatan umat Islam di Malaysia

**Kata Kunci:** *Syariat; Perundangan; Sivil; Malaysia*

### ABSTRACT

Islamic law and legislation are inseparable. This writing is aimed to see the justification of a legal system based on Islamic law that is a samawi revelation which brings the concept of educating and not merely hurt and punishment. The question involving the provision of civil legislation based on the Federal Constitution and the states enactment as the element of the syariah court legislation in Malaysia, thus it is not aimed at raising the level of legal and judicial discussions, but as an instrument method that supports a more socio-social discussion. The need for the strengthening of Islamic law through the diplomacy process is seen as increasingly in line with the development of the lives and benefits of Muslims in Malaysia.

**Keywords:** *Syariah; Law; Civil; Malaysia*

## PENDAHULUAN

Penulisan ini cuba untuk membawa perbincangan berkenaan keperluan untuk memastikan kelangsungan syariat Islam di Malaysia melalui perundangan yang diperuntukkan dalam perlembagaan persekutuan. Perbincangan dimulakan dengan gambaran asas tentang perspektif perundangan Syariah Islam dari sudut takrifan dan sumber serta konsepnya secara ringkas. Setelah itu perbincangan tertumpu kepada pengertian, kandungan dan konsep serta hikmah yang terkandung dalam pelaksanaan perundangan jenayah Islam seperti tujuan hukuman serta justifikasinya dan seterusnya beberapa contoh ringkas berkenaan realiti peruntukan perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang berkaitan dengan enakmen Syariah Islam di peringkat negeri-negeri dan cadangan penambahbaikan. Penulis juga cuba membawa kepada beberapa keperluan untuk mengatasi kekangan dan halangan yang didepani dalam usaha pelaksanaan perundangan jenayah yang berlandaskan Syariah Islam dalam realiti Malaysia dengan melihat had dan bidang kuasa mahkamah Syariah sedia ada serta keperluan untuk penambahbaikan.

Secara umumnya, laras perbincangan yang dibawa bukanlah ke arah perundangan dan implikasinya, tetapi ianya terarah kepada perbincangan dari sudut pandang yang menuju ke arah justifikasi dan kehendak sains sosial, walaupun banyak menyentuh enakmen dan peruntukan yang berkaitan sebagai membina landasan relevansi dan hujah semata.

## LATAR BELAKANG MASALAH

Sebagai sebuah negara majmuk yang mempunyai berbilang etnik bangsa dan budaya di samping beberapa kepercayaan agama, syariat Islam yang didominasi oleh bangsa Melayu sebagai tunjang akidah utama telah diterima sebagai agama rasmi Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam peruntukan perlembagaan (Pelembagaan Persekutuan, Perkara 3(1).

Islam dan disiplin ilmu yang mendasarinya begitu sinonim di nusantara, terutamanya negara ini. Kewujudan Islam di Tanah Melayu telah bermula sejak sekitar kurun ke 13 lagi apabila kerajaan Melayu Kedah pada ketika itu telah menerima Islam sebagai agama anutan bagi raja dan rakyat jelatanya, namun impak islamisasi yang besar terhadap gaya hidup masyarakat adalah pada kurun yang ke 15 pada era Kesultanan Melayu Melaka (Syed Muhammad Naquib Al-Attas 1989), *General Theory of Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*, Kuala Lumpur, Dewan

Bahasa dan Pustaka, ms:2). Beberapa rekod yang ditemui juga mencatatkan pengamalan perundangan syariat Islam seperti Kanun Melaka dan undang-undang Islam Trengganu (Hamid Jusoh. (1990). *Pemakaian Undang-undang Islam, kini dan masa depannya di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur. cetakan pertama: 63-65).

Justeru usaha dalam membentuk toleransi budaya dan integrasi kemasyarakatan dalam konteks Malaysia tidak bermakna tolak ansur yang membuta tuli dalam semua aspek kehidupan. Aspek akidah dan halal haram dalam kehidupan yang disentuh syariat Islam telah dinyatakan secara terperinci oleh para sarjana Islam dalam berbagai disiplin ilmu seperti fiqh, usul fiqh, tafsir, hadis dan sebagainya yang bersumberkan Al-Quran dan sunnah. Islam meraikan 'urf kebiasaan setempat selagi mana ianya selari dengan kerangka asas syariat dengan mengambilkira masalah dan mafsadah yang bersifat syar'ie.

## PERUNDANGAN ISLAM

Perundangan Islam ialah satu sistem perundangan yang matlamatnya untuk mencapai asas kemaslahatan dalam kehidupan yang bersumberkan ketetapan oleh Allah s.w.t. dan rasul Nya s.a.w. dan implementasinya menurut kesesuaian dan kemaslahatan semasa, melalui mekanisme ijtihad dan ijmak. Ianya merupakan sebahagian daripada elemen yang membentuk syariah Islam yang luas (Abdul Qadir 'Audah t.t) *At-Tasyri' Al-Jinaiy Al-Islami, muqorinan bi Al-Qanun Al-Wad'I*. Beirut. Dar Al-Kitab Al-Ghazaly. Ms 1/50).

Syariah sebagai salah satu aspek tunjang dalam sistem kehidupan Rabbani yang berbeza daripada perspektif akidah dan akhlak, kerana peranannya lebih ketara kepada aspek praktikaliti (amaliyah) dalam kehidupan, meliputi persoalan ibadah, muamalat, munakahat dan jinayat, namun ini tidak bermakna yang ianya berada dalam mekanisma yang berasingan dan terpisah dari elemen Rabbani yang lain, bahkan kesemuanya adalah parallel dan perlu berjalan selari demi mencapai matlamat kehidupan iaitu masalah, sebagaimana anjuran Allah s.w.t. dalam firman Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السَّلَامِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turuti jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.*” (Al-Quran, al-Baqarah 2: 208)

Dan Allah menegur pandangan golongan yang cuba memisahkan Islam kepada elemen-elemen tertentu sahaja (sekularisma) dengan firmanNya:

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَنْ يَفْعَلُ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَنَوْمٌ  
الْقَيْمَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Bermaksud:

*Apakah kamu beriman kepada sebahagian Al Kitab (Taurat) dan ingkar terhadap sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian dari padamu, melainkan kenistaan dalam kehidupan dunia, dan pada hari kiamat mereka dikembalikan kepada siksa yang sangat berat.* (Al-Quran, al-Baqarah 2:85)

Konsep perundangan dalam Islam dirangka berdasarkan prinsip serta asas yang jelas iaitu melindungi masyarakat daripada perbuatan keji serta menjamin hak-hak individu ataupun masyarakat. Prinsip asas perundangan Islam adalah (جلب المصالح ودفع المفاسد) untuk memelihara kepentingan atau masalah dan menolak kerosakan atau mafsadah agar terjamin keselamatan individu dan masyarakat.

Masalah dalam perundangan pula terbahagi kepada yang berbentuk tetap seperti masalah dalam pengharaman terhadap jenayah zina, membunuh dan murtad, dan masalah yang berubah mengikut kesesuaian keadaan, suasana dan individu seperti hukuman takzir yang dikenakan berbeza berdasarkan adat dan kebiasaan yang berbeza di antara satu tempat ke tempat yang lain, penentuan kadar zakat dan mahar yang berbeza antara satu negeri dari negeri yang lain (Al-Buti, Dr. Sa'id Ramadhan (1982), Dhowabi Al-Maslahah fil Islam, Beirut, Muassasah Risalah. Ms: 65).

Matlamat asas perundangan Islam adalah untuk memelihara dan menjaga lima perkara dasar dalam kehidupan manusia iaitu:

- i. menjaga kesucian Islam (حفظ الدين).
- ii. menjaga nyawa (حفظ الحياة).
- iii. menjaga akal fikiran (حفظ العقل).

- iv. menjaga nasab dan maruah (حفظ النسب).
- v. Menjaga harta benda (حفظ المال).

Perlaksanaan sistem perundangan Islam tidak membebankan penganutnya, malah ia sesuai dipraktikkan sepanjang zaman. Hal ini kerana dalam pelaksanaannya sangat mengambil kira keupayaan dan kemampuan manusia. Penetapan hukum juga adalah bertujuan untuk mendidik si pelaku dan masyarakat umum dan bukan untuk menyakiti semata-mata (.

### SUMBER UTAMA PERUNDANGAN ISLAM

Pada asasnya, sumber-sumber perundangan Islam terbahagi kepada dua (Abdul Qadir 'Audah t.t At-Tasyri' Al-Jinaiy Al-Islami, muqorinan bi Al-Qanun Al-Wad'I. Beirut. Dar Al-Kitab Al-Ghazaly):

- i. Sumber primer
- ii. Sumber sekunder

#### **Sumber Primer Perundangan Islam**

##### a. Al-Qur'an

Merupakan sumber utama perundangan Islam, maka dengan sendiri syariah Islam merupakan syariah yang terbaik, bahkan yang dipilih oleh Allah s.w.t.

Al-Qur'an masih sesuai digunakan sebagai panduan dan rujukan untuk kehidupan semasa kerana isi kandungannya yang lengkap merangkumi pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi, undang-undang, sejarah dan sains.

Al-Qur'an mempunyai 114 surah dan jumlah ayatnya sebanyak 6,236 ayat. Daripada jumlah ayat tersebut, lebih kurang 500 ayat sahaja yang berhubung dengan perundangan dan selebihnya menjelaskan tentang akidah dan pembentukan akhlak. Dalam kebanyakan aspek perundangan, al-Qur'an didatangkan dengan nas secara prinsip-prinsip umum dan kaedah kulliyah supaya hukum-hukumnya dapat diperkembangkan.

##### b. As-Sunnah

As-Sunnah ialah segala yang disandarkan kepada Rasulullah s.aw. sama ada perkataan (قولي), perbuatan (فعلي), pengakuan (تقريري), sifat kejadian dan

riwayat hidup Baginda, sebelum dan sesudah Baginda dilantik menjadi Rasul.

As-Sunnah diriwayatkan daripada para sahabat, tabi'in dan seterusnya sehingga ditulis oleh para ulamak pengumpul hadis. Ianya juga merupakan wahyu daripada Allah s.w.t.

Perbezaan antara wahyu al-Qur'an dan wahyu as-Sunnah ialah al-Qur'an diwahyukan oleh Allah s.w.t. secara menyeluruh meliputi lafaz dan maknanya, manakala as-Sunnah pula diwahyukan oleh Allah dalam bentuk maknanya sahaja, dan lafaznya datang daripada Rasulullah s.a.w.

Para Ulamak Islam bersepakat bahawa selain al-Qur'an, as-Sunnah juga menjadi sumber syariah termasuk dalam aspek perundangan. Buktinya ialah apabila Rasulullah s.a.w. mahu menghantar sahabat Baginda, Mu'az ibn Jabal r.a. ke Yaman sebagai Gabenor, baginda s.a.w. telah bertanya tentang apakah sumber rujukannya apabila menghadapi sesuatu masalah perundangan. Jawapan Mu'az bahawa beliau akan merujuk kepada al-Qur'an, kemudian kepada al-Sunnah dan seterusnya akan berijtihad tanpa ragu-ragu jika tiada nas dari al-Qur'an dan al-Sunnah telah dipersetujui dan diperakukan oleh Rasulullah s.a.w. dan Baginda lantas bersabda:

الحمد لله الذي وفق رسول رسول الله

### **Sumber Sekunder Perundangan Islam**

#### **a. Ijmak**

Al-Ijmak bererti kata sepakat semua para mujtahid Islam pada suatu masa tertentu selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. mengenai sesuatu permasalahan yang melibatkan hukum syariah. Ini bermakna apabila para ulamak bersepakat tentang sesuatu hukum syariah, iaitu sama ada wajib atau haram atau sunat atau makruh atau harus, maka ia menjadi ijmak.

Ijmak dianggap sebagai satu dari sumber perundangan Islam kerana kebenarannya sangat dipercayai. Umat Islam perlu meyakini persetujuan para ulamak dalam menentukan sesuatu hukum termasuk dalam bidang perundangan.

#### **b. Ijtihad**

Ijtihad bermaksud usaha yang tekun dan teliti yang dilakukan oleh seseorang mujtahid bagi mendapat dan menentukan sesuatu hukum syarak yang amali melalui prosedur istinbat. Istinbat bermaksud proses untuk memahami, berfikir dan melakukan kajian. Seseorang yang layak dan berautoriti untuk

melakukan ijtihad digelar mujtahid. Mujtahid tidak boleh hanya mengikut pendapat orang lain tanpa melakukan ijtihadnya sendiri.

Tidak semua hukum atau masalah dalam syariah boleh ditentukan hukumnya melalui ijtihad. Hanya masalah yang hukumnya tidak dinyatakan oleh nas secara pasti sahaja yang boleh diijtihadkan. Bagi masalah yang hukumnya telah dinyatakan oleh nas yang pasti, maka penentuan hukum itu tidak lagi dibolehkan berijtihad. Kaedah fiqh dengan jelas menyatakan:

لا مَسَاغَ لِلْإِجْتِهَادِ فِي مَوْرَدِ النَّصِّ

*~Tidak dibenarkan berijtihad dalam perkara yang telah nyata nasnya.*

Dalam perundangan Islam, ijtihad boleh berlaku dalam banyak kaedah dan bentuk seperti:

- Al-qiyas iaitu perbandingan permasalahan baru dengan hokum yang tersedia ada nasnya.
- Al-istishab iaitu pengekalan hukum asal selagi tiada perubahan dalam sifat dan keadaannya.
- Sad azzarai' iaitu penutupan sebarang ruang yang boleh membawa kepada pelanggaran larangan syariah.
- Masalih al-mursalah iaitu pertimbangan semula sesuatu hukum demi menjamin matlamat masalah tanpa sebarang pelanggaran syariat.
- Al-'urf iaitu penerimaan sesuatu adat dan kebiasaan yang telah diamalkan oleh kelompok tertentu dan tidak melanggar batas syariat.
- Syariat yang terdahulu iaitu pensyariatan para rasul terdahulu yang selari dengan syariat Nabi Muhammad s.a.w.

Ijtihad penting kerana ia merupakan satu mekanisme penentuan hukum memandangkan terlalu banyak perkara baru yang muncul dalam pelbagai bidang hidup manusia seperti ekonomi, politik, sosial, kesihatan dan perubahan, sains dan teknologi dan sebagainya.

Ijtihad memungkinkan umat Islam turut serta dalam kemajuan dunia hari ini dan tidak ketinggalan di belakang arus ketamadunan dan modenisasi dunia, semata-mata kerana ketiadaan hukum yang jelas bagi perkara-perkara baru tersebut.



## PERUNDANGAN JENAYAH ISLAM

Secara umumnya, apabila membicarakan tentang perundangan Islam, aspek yang dilihat banyak menyentuh berkenaan perundangan jenayah, dan perbahasan jenayah dalam fiqh Islami bukan terhenti setakat kesalahan dan hukuman semata-mata. Para fuqaha' membahas persoalan berkenaan bagaimana untuk mendidik dan memastikan manfaat kehidupan tercapai dengan menjaga sistem kehidupan.

Al-Mawardi. (1989M/1409H). *Al-Ahkam As-Sultoniyyah*, Beirut. Darul Fikr mendefinisikan jenayah atau jarimah (الجنایة أو الجريمة) sebagai:

محظورات شرعية زجر الله عنها بحد أو تعزير.

*Larangan syarak yang dicegah oleh Allah dengan (hukuman) had atau takzir.*

Perundangan jenayah Islam meliputi kesemua kesalahan jenayah dalam Islam, hukuman terhadap kesalahan jenayah tersebut serta kaedah perbicaraan dan pembuktian bagi setiap kesalahan jenayah yang ditetapkan. Dalam hal ini, kesalahan jenayah Islam berbeza daripada kesalahan jenayah konvensional.

Penggunaan istilah “jenayah” dalam konsepnya yang umum tidak begitu popular dikalangan para fuqaha' klasik Islam. Mereka lebih biasa menggunakan istilah-istilah yang lebih khusus, iaitu hudud, qisas dan takzir dengan secara terpisah. Dengan kata lain, mereka kurang menggunakan istilah “kesalahan jenayah” secara umum tetapi sebaliknya menggunakan istilah lebih terperinci dengan memecahkan konsep “jenayah” itu kepada tiga komponen yang lebih kecil, iaitu:

- i. kesalahan hudud.
- ii. kesalahan qisas.
- iii. kesalahan takzir

### **Kesalahan Hudud**

Hudud dari sudut bahasa membawa maksud menahan atau mencegah. Manakala dari segi istilah ialah hukuman yang telah ditetapkan oleh nas-nas al-Quran dan as-Sunnah yang wajib dilaksanakan sebagai hak Allah S.W.T

demi menjaga masalah dan kepentingan masyarakat umum dan ketenteraman orang ramai.

Antara firman Allah berkenaan hudud adalah seperti ayat 229 dalam surah Al-Baqarah:

تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya:

*Itulah hukum-hukum Allah, maka janganlah kamu melanggarnya. Barang siapa yang melanggar hukum-hukum Allah mereka itulah orang-orang yang zalim. (Al-Quran, Al-Baqarah 2: 229)*

Kadar hukumannya adalah mandatori dan tidak boleh dipinda sama ada dikurang atau ditambah. Mengikut pendapat jumhur fuqaha kesalahan hudud adalah terdiri daripada bentuk kesalahan seperti berzina, mencuri, meminum arak, menuduh zina (qazaf), menyamun, memberontak, dan murtad.

### **Kesalahan Qisas**

Qisas dari sudut bahasa bermaksud memotong. Manakala dari sudut syara' ialah hukuman balas bagi kesalahan membunuh dibalas dengan bunuh, menghilangkan salah satu dari anggota orang lain atau melukakannya atau mencederakannya dibalas dengan hukuman mengikut jenis kesalahan yang dilakukannya.

Firman Allah s.w.t. berkenaan qisas:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۖ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ ۖ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ ۗ

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qishaash berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita. (Al-Quran, Al-Baqarah: 178)*

Mengikut para fuqaha, kesalahan qisas adalah kesalahan terhadap nyawa dan tubuh badan manusia. Secara ringkasnya ia boleh dikategorikan sebagai berikut:

1. Kesalahan terhadap nyawa, iaitu membunuh.
2. Kesalahan terhadap tubuh badan, iaitu meluka atau mencederakan.

Kesalahan terhadap nyawa daripada satu aspek dan tubuh badan daripada satu aspek yang lain, iaitu kesalahan terhadap anak dalam kandungan. Di samping itu ada satu hukuman lain bagi kesalahan seperti ini, iaitu diyat. Ia adalah hukuman alternatif apabila hukuman qisas tidak boleh dilaksanakan oleh sebab-sebab tertentu, seperti apabila jenayah itu sendiri berlaku tidak sengaja atau separa sengaja, ataupun apabila hukuman qisas tidak dapat dilaksanakan oleh sebab-sebab teknikal, seperti berlaku percanggahan dalam pembuktian atau timbul keraguan di antara keterangan pelaku dan mangsa, atau semata-mata kerana pihak mangsa tidak mahu melaksanakan qisas dan memilih diyat sebagai ganti.

### **Diyat**

Diyat ialah denda yang wajib dibayar oleh orang yang melakukan jenayah kerana kesalahan jenayahnya sebagai ganti qisas. Apabila keluarga orang yang dibunuh (Pembunuhan sengaja) atau orang yang dihilangkan atau dcederakan anggota atau yang dcederakan memaafkan, maka diganti dengan diat. Hanya waris sahaja yang boleh memaafkan tetapi bukan pemerintah.

Firman Allah berkenaan diyat adalah:

فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْهُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ

Maksudnya:

*Dan hendaklah pelaku yang diberikan kemaafan itu membayar (diat) kepada yang memberi maaf dengan cara yang baik, yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan rahmat Nya. (Al-Quran, al-Baqarah 2: 178)*

### **Kesalahan Takzir**

Takzir pada bahasa ialah satu bentuk seksaan (hukuman) yang tidak sampai ke tahap hukuman hudud. Hukuman Takzir adalah hukuman yang tidak ditentukan kadarnya oleh syarak keatas penjenayah,

Para fuqaha' mentakrifkan (takzir) sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadar wajibnya, sama ada berkaitan hak Allah atau hak manusia, dan juga perbuatan maksiat yang tiada ditetapkan hukuman had dan hukuman kaffarah padanya

Kesalahan ini telah dikelaskan kepada beberapa kategori, iaitu:

1. perbuatan maksiat, iaitu yang diharamkan oleh Syarak.
2. perbuatan yang bertentangan dengan kepentingan awam.
3. perbuatan atau tinggalkan yang tidak wajar, iaitu bertentangan dengan sifat-sifat murni.

## HIKMAH PERLAKSANAAN HUKUMAN JENAYAH ISLAM

Setiap ketetapan perundangan dan peraturan yang disyariatkan Allah kepada umat manusia tidak didatangkan dengan sia-sia, bahkan semuanya membawa kebaikan dan menghasilkan manfaat kepada kehidupan manusia sejagat (Abdul Qadir 'Audah t.t.) *At-Tasyri' Al-Jinaiy Al-Islami*, muqorinan bi *Al-Qanun Al-Wad'I*. Beirut. Dar Al-Kitab Al-Ghazaly).

Hikmah daripada pelaksanaan undang-undang jenayah dalam Islam ialah untuk menegah dan menahan manusia daripada mendekati kesalahan-kesalahan tersebut, memelihara masyarakat daripada kefasadan, dan menyucikan daripada dosa dan noda.

Menurut Ibn Taymiyyah (Ibnu Taimiyah, Taqiyuddin Ahmad. (2001), *Makarimul Akhlaq*. Beirut, Al-Maktabah Al-'Ashriyah), di antara rahmat Allah S.W.T. ialah mensyari'atkan hukuman jenayah yang berlaku antara manusia, sebahagian mereka ke atas sebahagian yang lain pada jiwa, tubuh badan, harta benda, kehormatan, pembunuhan, pencederaan, menuduh zina (qadhaf), mencuri maka Allah S.W.T. telah menghukum bentuk-bentuk tegahan untuk menahan daripada melakukan jenayah yang merupakan matlamat hukum dan mensyari'atkan hukuman dalam bentuk yang sebaik-baiknya, yang mengandungi kemaslahatan, tegahan dan pembasmian, di samping tidak melampaui kadar yang sepatutnya ditanggung oleh penjenayah daripada tegahan itu.

Oleh sebab itu, Allah S.W.T. tidak mensyari'atkan hukuman berbohong dengan memotong lidah dan tidak pula dibunuh, hukuman berzina tidak pula disembelih, hukuman mencuri tidak pula dibunuh. Sebaliknya Allah S.W.T. mensyari'atkan kepada mereka tentang hukuman tersebut dengan memastikan nama dan sifatnya termasuk dalam hikmat dan rahmat-Nya, kelembutan, keihsanan dan keadilan-Nya agar menghilangkan bala atau celaka dan melenyapkan kezaliman dan permusuhan, dan semua insan berpuas hati dengan apa yang dikurniakan oleh Malik dan Khaliqnya. Dengan itu manusia tidak sewenang-wenangnya merampas hak orang lain.

Justeru, bolehlah disimpulkan bahawa antara hikmah yang nyata dari pelaksanaan perundangan jenayah Islam adalah:

1. Untuk memberi keadilan kepada umat manusia.
2. Melindungi masyarakat daripada bahaya jenayah dan mencegah sebelum berlaku.
3. Memperbaiki penjenayah dan memperbetulkan penyelewengan.
4. Membersihkan dosa penjenayah dan menyelamatkannya daripada azab akhirat.
5. Memberi pengajaran (ta'dib), pengislahan (pemulihan) dan menghalang daripada penerusan perlakuan jenayah.
6. Menjaga masalah umum yang disebut sebagai hak Allaha dan masalah khusus yang dipanggil hak hamba.
7. Menjaga kemurnian dan kelangsungan Islam sebagai cara hidup.
8. Mendapatkan keredhaan dan keberkatan dari Allah s.w.t. dalam kehidupan di dunia dan akhirat.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Maksudnya:

*Dan di dalam pelaksanaan Qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, wahai orang-orang yang berakal, moga kamu bertakwa. (Al-Quran, Al Baqarah 2: 179)*

Firman Allah lagi:

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَن قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya:

*Dan sebagai pengajarannya telah kami tetapkan kepada Bani Israel bahawa barang siapa yang membunuh tanpa alasan yang hak maka seolahnya dia telah membunuh seluruh manusia, dan barang siapa yang menyelamatkan satu jiwa maka seolahnya dia telah menyelamatkan seluruh manusia. (Al-Quran, al-Maidah : 32)*

Manakala dalam pelaksanaan hukuman hudud pula Allah s.w.t secara jelas menyatakan bahawa ianya adalah sebagai tindakan pencegahan sebagaimana firmanNya:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Dan orang lelaki dan perempuan yang mencuri maka (hukumannya) potonglah tangan keduanya sebagai balasan perbuatan mereka itu, (ini adalah langkah) pencegahan dari Allah, dan Allah Maha Berkuasa lagi Bijaksana.” (Al-Quran, al-Maidah : 3)

### PERUNDANGAN ISLAM DI MALAYSIA; REALITI PERKEMBANGAN DAN PERLAKSANAANNYA

Menurut pandangan Tun Mohd Salleh Abbas. (1986), *The constitution of Malaysia; further perspective and development*. Singapore Oxford University Press: ms. 8.) kedudukan perundangan Islam dalam perlembagaan sebenarnya begitu rapuh sekali, walaupun Islam diterima secara rasminya sebagai agama yang diperakukan di peringkat Persekutuan dan negeri seluruh Malaysia sebagaimana yang termaktub di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan perkara 3(1) yang dibaca bersama jadual kesembilan.

Kuasa penggubalan undang-undang yang berkaitan orang Islam adalah tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri, dan hakikat ini membawa kepada tidak seragaman yang begitu ketara dalam peruntukan enakmen yang terdapat di setiap negeri. Fatwa dan pengurusannya juga dilihat terkesan dalam situasi berkenaan (Tun Mohd Salleh Abbas. (1986). Undang-undang jenayah Islam di Malaysia pada dasarnya sehingga hari ini hanya meliputi ruang lingkup takzir. Didapati hingga kini tidak ada sebarang hudud mahupun qisas dilaksanakan walaupun terdapat usaha-usaha untuk melaksanakannya di Kelantan dan Terengganu satu ketika dulu. Malahan bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah juga amatlah terhad jika dibandingkan dengan mahkamah sivil (Zulkifli Hasan. (2007). *Isu Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia Dan Sejauh Manakah Perlaksanaannya*. Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai, Negeri Sembilan).

Dari aspek bidangkuasa jenayah, hukuman maksimum yang diperuntukkan di dalam enakmen-enakmen sebelum tahun 1965 merangkumi denda sebanyak lima ribu atau penjara selama tempoh tidak melebihi 4 bulan atau kedua-duanya sekali. Had hukuman maksimum ini telah ditingkatkan pada tahun 1965 dengan memperkenalkan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau lebih dikenali

sebagai Akta 355. Akta ini bertujuan untuk memberi dan menyeragam bidang kuasa berkaitan hukuman kepada mahkamah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang negeri dalam hal berkaitan undang-undang Islam. Pada peringkat ini denda yang dikenakan adalah tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pada tahun 1984 pindaan pada Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) telah dibuat dan setelah itu hukuman maksimum yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah syariah ialah denda lima ribu atau penjara tiga tahun atau enam kali sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman.

Pindaan pada tahun 1988 di dalam Perlembagaan Persekutuan telah dilakukan iaitu pada artikel 121(1A) yang dikatakan telah membawa kepada penambahan kewibawaan Mahkamah Syariah yang telah diberi kuasa eksklusif yang mana bidangkuasa Mahkamah Syariah tidak boleh dicampuri oleh mahkamah Sivil jika masih dalam perkara berikut:

1. Pihak-Pihak Yang Terlibat Adalah Muslim.
2. Perkara Yang Menjadi Pertikaian Itu Adalah Dalam Bidang Kuasa Mahkamah Syariah.

Namun begitu, dari sudut praktisnya, pindaan ini tidak memperluaskan bidangkuasa yang diperuntukkan kepada mahkamah syariah, bahkan ianya hanyalah mengenai pemisahan kuasa antara kedua-dua institusi kehakiman, Syariah dan Sivil. Dan jelas bahawa mahkamah Sivil masih mempunyai bidangkuasa untuk membatalkan keputusan kehakiman bagi perkara yang tidak termasuk dalam Senarai Dua Jadual Kesembilan (Kamal Hali. (Nov. 1988). *The Shari'ah Court and Art. 121(A) of the Federal Constitution*, Jurnal Perundangan jilid 1 bil. 1 ABIM. 10-4, Jalan 14/22 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan).

Kerajaan negeri juga tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang Islam selain dari yang disebut dalam senarai Negeri kerana ini akan bertentangan dengan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan.

Sekiranya berlaku pertindihan sebegini, Perkara 4(1) memperuntukkan kuasa kepada mahkamah Sivil untuk membatalkan sebarang keputusan penghakiman yang telah dibuat oleh mahkamah Syariah atau kerajaan negeri.

Mahkamah Agung Malaysia pernah menegaskan bahawa perkataan Islam yang terdapat dalam Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan ini hanya terhad kepada upacara dan adat istiadat keagamaan sahaja, oleh itu

mahkamah Sivil masih lagi mempunyai bidangkuasa yang luas seperti mentafsirkan dan membatalkan enakmen undang-undang Islam yang telah dibuat oleh setiap negeri (M. Suffian Hashim, *The Relationship Between Islam and the State in Malaya*, Singapore Malaysian Research Institute Ltd, jld 1 no. 1: ms. 8.).

Pada 7 April 2015, YB Ahli Parlimen Marang, Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang telah membawa usul untuk meminda sekali lagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Setelah beberapa kali dimasukkan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat, akhirnya usul tersebut dibaca oleh YB Ahli Parlimen Marang pada 26 Mei 2016. Dalam cadangan pindaan dikemukakan oleh Ahli Parlimen Marang tersebut, iaitu mengusulkan (dan memasukkan Seksyen baru iaitu Seksyen 2A Akta 355) agar Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa menjatuhkan hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang syariah selain dari hukuman mati." kadar maksimum hukuman akan dinaikkan kepada denda RM100,000, 10 tahun penjara dan 100 kali sebatan syarie.

Pada 22 November 2016, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah mengumpulkan kesemua Ahli Parlimen beragama Islam untuk taklimat khas berkaitan RUU 355 ini. Antara perkara yang dibincangkan adalah hakikat bahawa usul asal YB Ahli Parlimen Marang itu adalah terlalu umum dan tanpa had. Beliau kemudiannya telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengambil usul tersebut untuk diperbaiki dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Khas Ahli Parlimen. Hasilnya, pada 24 November 2016, YB Ahli Parlimen Marang telah membawa pindaan kepada usul asal yang dikemukakan sebelum itu. Usul itu telah dipinda menurut Peraturan 28 Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, dan ianya adalah (iaitu Pindaan Seksyen 2 - Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, [Akta 355] dipinda dalam proviso kepada seksyen 2 dengan menggantikan perkataan "penjara selama tempoh melebihi tiga tahun atau denda melebihi RM5,000 atau sebatan melebihi enam kali" dengan perkataan "penjara selama tempoh melebihi 30 tahun atau denda melebihi RM100,000 atau sebatan 100 kali sebagaimana ditadbir selaras dengan tatacara jenayah syariah", tanpa memasukkan Seksyen 2A. Antara justifikasi yang dilihat mendorong kepada usul pindaan terhadap akta 355 ini adalah:

1. Kali terakhir akta ini dipinda adalah pada tahun 1984, iaitu lebih dari 30 tahun dahulu, sedangkan ia membabitkan had bidang kuasa mahkamah yang perlu disesuaikan dengan perkembangan masa.



2. Menaiktaraf bidang kuasa Mahkamah Syariah yang mana realitinya sekarang bidang kuasa yang ada pada Mahkamah Tinggi Syariah hampir sama dengan bidang kuasa jenayah Mahkamah Sesyen sahaja.
3. Pindaan yang dicadangkan ini selari dengan perkembangan dan pembangunan institusi Mahkamah Syariah. Undang-Undang Jenayah Syariah semakin mantap dan terdapat kesalahan jenayah yang dikemaskini.
4. Dari aspek keadilan, umat Islam di Malaysia berhak mendapat perlindungan yang setaraf dengan bukan Islam dari sudut penjagaan kesucian perkahwinan.
5. Kandungan pindaan yang dicadangkan itu sebenarnya adalah untuk menyesuaikan undang-undang yang sedia ada dengan ayat al-Quran.
6. Pindaan ini hanya melibatkan orang Islam dan di negeri-negeri dalam Malaysia sahaja, dan ianya bukan undang-undang baharu, tetapi pindaan ke atas undang-undang sedia ada.
7. Akta 355 perlu ditambahbaik dari masa kesemasa, yang bertujuan untuk menjaga kemuliaan syariat Islam dan kehormatan umat.
8. Sebagai wasilah untuk memartabatkan sistem perundangan Islam di Malaysia ini dan menjamin kelangsungan syariat Islam dalam arus perundangan negara.

### REALITI YANG DIHADAPI OLEH PERUNDANGAN JENAYAH ISLAM

Selain dari penolakan secara mutlak yang boleh dijangkakan dari pihak yang menolak Syariah Islam, samada dari perspektif akidah atau pun peraturan kehidupan di dunia ini, antara faktor yang menjadikan perundangan jenayah Islam tidak diterima atau halangan yang dilihat sering ditimbulkan dalam usaha untuk mengimplementasi perundangan Jenayah Syariah di era moden ini selepas kejatuhan sistem khilafah Islamiah adalah:

1. Tiada Bukti Tentang Kesesuaian Undang-Undang Jenayah Islam  
Persoalan pelaksanaan undang-undang jenayah Islām di zaman moden adalah merupakan satu realiti cabaran yang agak besar, kerana ianya membabitkan proses *taqnin*, atau menulis teks undang-undang yang disebut dengan laras bahasa tradisional di dalam Al-Quran dan Ḥadith ke dalam bahasa perundangan moden.

Perlaksanaan undang-undang syariah tidak berlaku secara menyeluruh dalam kerangka perkembangan negara moden, melainkan

perlaksanaan yang bersifat setempat di beberapa daerah dan negara, yang kebetulan majoriti signifikan adalah Muslim, menyebabkan tiadanya eksperimen menyeluruh, membabitkan negara multiras moden.

Setakat kini, tiada negara moden yang menjadi contoh terbaik dan kayu aras ke atas perlaksanaan undang-undang tersebut, kerana ianya bersifat lokal. Kaedah perlaksanaannya banyak bergantung kepada faktor demografi negara berkenaan, seperti latar belakang ekonomi, campur tangan kuasa asing, kekuatan politik pemimpin tempatan melaksanakan Islām, pengaruh non-Muslim dan seumpamanya. Realiti setiap negara Islām di zaman sekarang adalah berbeza (Az-Zuhaily, Dr. Wehbeh Moustafa. (1985M/1405H). *Fiqhul Islam wa Adillatuhu*. Damsyik, Syria. Darul Fikr. Jld 6/432).

## 2. Usaha Penerangan Yang Mungkin Masih Kurang Menyeluruh Atau Tidak Sampai Ke Sasarannya

Perdebatan mengenai perlaksanaan perundangan syari'ah di negara moden kebanyakannya bersifat akademik, justeru perlu dibuka ruang seluas-luasnya untuk perdebatan secara terbuka dalam kalangan sarjana, ahli politik, pihak berkuasa dan mahkamah.

Dalam masa yang sama pemikiran simplistik juga perlu dielakkan ketika bersemangat melaksanakan undang-undang ini, sebaliknya perlu bersifat analitikal supaya perlaksanaannya tidak semata-mata berlandaskan tekstual, tanpa mengabaikan konstektual semasa.

## 3. Salah Faham Terhadap Konsep Perlaksanaannya

Ramai yang menimbulkan kebimbangan sama ada daripada sudut keabsahannya serta kemampuan perlaksanaannya serta kesesuaian masa dan persekitaran. Antara kebimbangan yang dilontarkan ialah kebarangkalian kepada ketidakadilan di dalam sistem undang-undang, khasnya apabila membabitkan hukuman ke atas pesalah Muslim dan non-Muslim.

Terdapat beberapa persoalan yang perlu dirungkai oleh sarjana. Antaranya ialah kebanyakan pengamalan undang-undang Islam, meliputi hudud, qisas dan takzir dilaksanakan secara total atau separa total, sejak daripada zaman Rasulullah s.a.w.

Ibnu Qudamah (meninggal 1223 M) di dalam kitabnya (Al-Qudamah, Muwafaq Ad-Din Ibn Qudamah. (1997M/1417H). t.tp. *Al-Mughni*. Darul Alaam Al-Kutub) menyatakan bahawa pendakwaan membabitkan Muslim dengan non-Muslim dhimmiy, perlu dijalankan mengikut undang-undang Islam, akan tetapi sekiranya membabitkan perbicaraan sesama non-Muslim, maka mereka perlu diberikan pilihan

untuk diadili menurut cara mereka sendiri. Ini berasaskan kepada firman Allah:

فَإِنْ جَاءُوكَ فَأَحْكُم بَيْنَهُمْ أَوْ أَعْرَضْ عَنْهُمْ وَإِنْ تُعْرِضْ عَنْهُمْ فَلَنْ يَضُرُّوكَ شَيْئًا  
وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُمْ بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Maksudnya:

*maka jika mereka (Non muslim) datang kepadamu, maka hukumlah di antara mereka (dengan apa yang telah diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka. (Al-Quran, al-Maidah:42).*

Kajian semula terhadap pengkategorian non Muslim antara dhimmiy, musta'min, mu'ahid dan harbi ini perlu diperjelaskan supaya pelaksanaan undang-undang syari'ah dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

#### 4. Aliran Pemikiran Liberalisma

Islam liberal merujuk kepada pentafsiran Islam yang lebih terbuka terhadap idea-idea demokrasi, pengasingan agama daripada politik, hak-hak wanita, kebebasan berfikir dan kemajuan manusia, satu aliran yang menolak kesepakatan ulama serta menafsirkan Al-Quran dan Hadis menurut fahaman akal. Mereka adalah golongan yang begitu ghairah ingin menyebarkan ilmu agama.

Aliran syari'ah liberal mengandaikan bahawa wahyu dan amalan Nabi Muhammad s.a.w. mengandungi perintah-perintah yang mengkehendaki kaum Muslimin supaya mengambil sikap yang liberal dalam amalan dan fahaman agama.

Sebagai contoh untuk menyokong pandangan ini, mereka memetik Ayat 6 Surah Al-Kafirun:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Maksudnya:

*Kepada kamu agama kaum dan kepada ku agama ku.*

Mereka menyifatkan Perlembagaan Madinah yang menyediakan satu formula kehidupan bersama bagi masyarakat berlainan agama sebagai satu dokumen liberal.

Golongan ini melihat bahawa sistem perundangan syariah yang disusun oleh para ulamak silam sudah lapuk dan tidak relevan dengan suasana kehidupan moden, oleh itu tiada keperluan untuk melaksanakannya lagi kerana sistem perundangan yang ada telah mencukupi dan berupaya mendatangkan keadilan, makanya matlamat perundangan iaitu keadilan dan kesaksamaan telah dicapai.

Faham Islam liberal yang cuba menyamaratakan golongan ulama' dan bukan ulama' dalam membahaskan perkara-perkara asas Islam merupakan satu bentuk ralat ilmu yang menjadi cabang utama proses sekularisasi

Berdasarkan faktor dan realiti ini, para ulamak Islam perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menyebarkan ilmu-ilmu Islam kepada masyarakat baik secara formal atau tidak formal (melalui media massa, media baru dan sebagainya). Ramuan utama dalam menangani gejala ini tentu sekali melalui pengukuhan budaya ilmu dalam masyarakat. Masyarakat yang berilmu sudah tentu dapat membezakan antara yang benar dan yang batil.

##### 5. Sikap Negatif Dikalangan Umat Islam Yang Sanggup Bersekongkol Dengan Golongan Yang Menolak Islam Dengan Menggunakan Saluran Perundangan Dan Politik

Banyak muncul golongan yang mengaku Islam, tapi secara terang-terang menolak aspek syariat yang dilihat tidak selari dengan cara dan gaya hidup moden mereka, antaranya seperti gerakan Sisters In Islam, kelompok LGBT dan sebagainya. Golongan ini sedikit berbeza dengan kelompok liberal dan lebih bahaya sebenarnya, kerana mereka lebih kepada menolak dan mempertikaikan hukum secara terang-terangan, bukan beralasan untuk menuntut alternatif dan penafsiran baru yang lebih bebas.

Di samping itu, ada juga pihak-pihak yang berkepentingan seperti golongan politik dan agamawan yang sanggup memainkan isu dan mengemukakan alasan dan persoalan yang boleh mengelirukan umat Islam, demi agenda dan kepentingan serta mencari populariti.

Dan juga terdapat kelompok bukan Islam yang berani bangkit mempertikaikan kesucian dan kemuliaan Islam, atas nama demokrasi dan kebebasan bersuara, walaupun jelas ianya tiada kaitan dengan sensitiviti agama mereka. Kelompok ini banyak menggunakan interpretasi perundangan, penafsiran dan hujah yang berasaskan logik, serta sanggup untuk bekerjasama dengan golongan yang menolak Islam dan golongan yang berkepentingan seperti yang dinyatakan tadi.

#### 6. Implikasi Perundangan Sedia Ada

Sebagai contoh, realiti di Malaysia pada ketika ini hukuman bagi kesalahan-kesalahan jenayah dalam Kanun Jenayah Syariah itu tertakluk di bawah Mahkamah Sivil, ini sekaligus akan menyebabkan berlaku pertindihan undang-undang di antara kedua-dua mahkamah itu.

Banyak bukti yang menunjukkan ketidakrelevansi sudut pandangan pengamal undang-undang sivil di Malaysia yang menimbulkan situasi yang kontradiksi dan mengganggu sensitiviti umat Islam, antaranya:

Keputusan penghakiman Mahkamah Rayuan Malaysia pada 7 November 2014 berkenaan isu trans gender, yang membatalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Seremban dan mengisytiharkan bahawa seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan adalah bercanggah dengan beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kerana pihak penghakiman melihat pentafsiran kebebasan kemanusiaan dari perspektif yang berbeza.

Keputusan Mahkamah Rayuan Malaysia pada 27 Julai 2017 yang membenarkan penasaban anak tidak sah taraf kepada bapanya dan melihat bahawa Ketua Pengarah JPN tidak terikat dengan fatwa dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam menentukan nama bapa pada sijil kelahiran bagi anak orang Islam yang dilahirkan luar nikah, kerana pihak penghakiman melihat tiada justifikasi perundangan yang membolehkan fatwa yang menghalang status nasab anak luar nikah itu memberi implikasi perundangan.

Beberapa keputusan mahkamah Sivil berdasarkan justifikasi dan penafsiran peruntukan perundangan yang jelas bercanggah dengan syariat Islam dan akidah.

Jika undang-undang Islam hendak dilaksanakan terhadap orang-orang Islam di Malaysia, langkah yang harus dilakukan ialah samada: Perlembagaan Persekutuan, sumber perundangan tertinggi negara yang menjadi punca kuasa perlu ditukar daripada Perlembagaan yang berbentuk sivil konvensional kepada Perlembagaan yang selari dengan al-Quran dan Sunnah, Perkara 8 juga perlu dipinda untuk membenarkan perbezaan di antara undang-undang Islam dan undang-undang biasa bagi undang-undang jenayah, dan ini memerlukan persetujuan 2/3 ahli di Parlimen dan perkara inilah yang selama ini menghalang langkah perlaksanaannya.

mengemukakan cadangan pindaan rang undang-undang samada dari pihak kerajaan ataupun dalam bentuk cadangan persendirian (private bill) di Parlimen serta mencadangkan pindaan kepada beberapa bahagian tertentu di dalam Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan undang-undang jenayah

Islam dilaksanakan di setiap negeri di Malaysia, dan ini juga memerlukan persetujuan majoriti ahli di Parlimen.

Mewujudkan enakmen khusus di peringkat negeri-negeri beserta penyelarasan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual ke sembilan senarai kedua Perlembagaan Persekutuan bagi memberi kuasa kepada mahkamah Syariah untuk membincangkannya dan bidangkuasa penghakiman.

Memperkasakan bidangkuasa mahkamah Syariah agar setara dan berkemampuan untuk memberikan penghakiman berkaitan urusan hal ehwal umat Islam tanpa ada ruang untuk di"overwrite" oleh bidangkuasa mahkamah sivil.

Mencari jalan dan memikirkan bagaimana secara teknikalnya keputusan penghakiman oleh mahkamah Syariah mampu untuk dikuatkuasa dan berdiri dengan sendirinya tanpa dicabar oleh peruntukan sedia ada.

#### KESIMPULAN PENUTUP

Melaksanakan Perundangan Syariah Islam, khususnya undang-undang jenayah Islam adalah merupakan satu kewajipan bagi setiap muslim yang mukallaf, di setiap pelusuk dunia dan sepanjang wujudnya umur dunia ini. Cabaran dan halangan yang perlu dihadapi dalam usaha tersebut adalah fitrah perjuangan yang telah ada sejak mula Islam diutuskan kepada junjungan besar Rasulullah s.a.w.

Biarpun corak dan warna yang berbeza, namun realitinya tetap sama, bahawa ianya adalah suatu yang perlu diperjuangkan, dan ianya memerlukan usaha yang berterusan dan kesabaran yang waja disamping sokongan padu dari setiap muslim. Kesedaran dan kefahaman perlu dipupuk beserta keyakinan bahawa Allah pasti akan mengizinkan syiar Nya ini tertegak pada satu hari yang pasti tiba.

Malaysia, adalah sebuah negara yang semenjak dulu lagi telah menerima dan mempraktikkan pengamalan syariat Islam dan perkara ini telah berakar umbi dalam jantung kehidupan kemasyarakatannya.

Maka perlu diambil perhatian dan dipastikan bahawa keprihatinan dan sensitiviti umat Islam tidak digugat dan diganggu oleh sesiapa saja, kerana ianya akan memberi kesan yang amat buruk terhadap perjalanan kehidupan sama ada dari sudut kemasyarakatan mahu pun kenegaraan. Memastikan kemuliaan dan kelangsungan Syariat Islam di negara ini adalah misi dan visi yang paling penting buat setiap yang bergelar muslim.

Setiap umat Islam berkewajipan untuk memahami dan memenuhi maksud dan keperluan Syariat Islam serta bertanggung jawab untuk memberikan gambaran dan contoh yang baik tentang agamanya supaya tidak timbul persepsi dan tanggapan yang negatif dari pihak luar ataupun sesama sendiri. Banyak bukti perkembangan mutakhir ini yang sebenarnya membimbangkan dan mencetuskan fenomena yang tidak sihat terhadap masa depan negara dan syariat Islam.

Antaranya seperti program yang jelas tidak selari dengan sensitiviti umat Islam seumpama penganjuran program “I Want To Touch a Dog”, pesta arak yang telah mengorbankan beberapa nyawa di Stadium Bukit Jalil, program anjuran kelompok pendokong LGBT yang diadakan secara terang-terangan, kelantangan kelompok liberal yang bersekongkol dengan pihak bukan Islam untuk mengkritik dan memperlekehkan institusi pengurusan Islam, kemunculan fahaman yang membawa kesan negatif kepada syariat Islam dan kemurnian akidah seperti aliran syiah, pro Daesh, free thinker, ateis, liberal, anti hadis dan murtad.

Begitu juga, kes kekeluargaan yang berkenaan penukaran agama kepada Islam yang menyentuh persoalan akidah, telah mula dicabar dan dihalang mengikut saluran dan penafsiran perundangan. Bidangkuasa penguatkuasaan perundangan dan hukuman bagi individu yang asalnya seorang muslim dan kemudiannya menukar kepercayaan kepada agama yang lain dilihat juga dilihat terlalu longgar dan mempunyai banyak kelompangan (loop holes) yang tidak memihak kepada Syariat Islam dan umat Islam, sedangkan hukuman bagi membuang sampah dilihat lebih berat dari yang membuang akidah.

Banyak juga usaha untuk mencabar kesahihan penghakiman mahkamah Syariah dengan memperlekehkan penguatkuasaan enakmen negeri. Badan NGO seperti Suruhanjaya Antara Kepercayaan (Interfaith Commision) ditubuhkan untuk membolehkan mereka meminda beberapa ajaran asas Islam yang boleh merosakkan akidah umat Islam serta lebih berpihak kepada orang bukan Islam.

Setiap individu muslim perlu prihatin dan bangkit dari lena yang sudah terlalu panjang, menyumbang usaha dan idea serta mengambil bahagian untuk mendidik generasi baru yang dilihat begitu rapuh dan menjadi sasaran mudah untuk dirosakkan. Pergaulan bebas antara remaja lelaki dan perempuan tanpa batasan, budaya seks bebas, kerosakan nilai moral dan institusi kekeluargaan yang semakin tidak bermaya untuk mendidik generasi Y, arus media sosial dan aplikasi internet tanpa batasan dan banyak lagi elemen kehidupan juga umpama barah yang makin menular dan mungkin menyumbang ke arah kehancuran Syariat dan umat Islam.

Sejarah telah membuktikan bahawa para musuh Islam akan sentiasa berusaha untuk menghapuskan dan melenyapkan agama suci ini, dengan menggunakan cara dan wasilah yang berbagai bentuk, dan Malaysia adalah tapak syariat dan akidah Islam yang subur sejak sekian lama, yang perlu dirosakkan, dengan merosakkan umat Islam di dalamnya. Moga suara dan hasrat yang murni untuk memelihara dan memastikan keutuhan serta kelangsungan syariat Islam, yang didokong oleh hati-hati yang ikhlas dan tidak pernah penat berdoa dan sentiasa gigih berusaha merealisasikan

### RUJUKAN

- Abdul Qadir 'Audah (t.t) *At-Tasyri' Al-Jinaiy Al-Islami, muqorinan bi Al-Qanun Al-Wad'I*. Beirut. Dar Al-Kitab Al-Ghazaly.
- Abdul Rahman Abdullah (1997), *Pemikiran Islam di Malaysia*, Jakarta.
- Abu Zahrah, Muhammad (1987), *Ahkam A-Jarimah wa Al-'Uqubah fil Fiqh Al-Islami*, Jordan, Maktabah Al-Mansour.)
- Al-Buti, Dr. Sa'id Ramadhan (1982), *Dhowabi Al-Maslahah fil Islam*, Beirut, Muassasah Risalah.
- Al-'Aalim, Yousuf Hameed (1992), *Al-Maqasid Al-'Aammahlis Syari'ah Al-Islamiah*.
- Al-Mawardi. (1989M/1409H). *Al-Ahkam As-Sultoniyyah*, Beirut. Darul Fikr.
- Al-Qudamah, Muwafaq Ad-Din Ibn Qudamah. (1997M/1417H). t.tp. *Al-Mughni*. Darul Alaam Al-Kutub.
- Az-Zuhaily, Dr. Wehbeh Moustafa. (1985M/1405H). *Fiqhul Islam wa Adillatuhu*. Damsyik, Syria. Darul Fikr.
- Ibnu Taimiyah, Taqiyuddin Ahmad. (2001), *Makariimul Akhlaq*. Beirut, Al-Maktabah Al-'Ashriyah.
- Kamal Hali. (Nov. 1988). *The Shari'ah Court and Art. 121(A) of the Federal Contitution*, Jurnal Perundangan jilid 1 bil. 1 ABIM. 10-4, Jalan 14/22 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- M. Suffian Hashim, *The Relationship Between Islam and the State in Malaya*, Singapore Malaysian Research Institute Ltd, jld 1 no. 1.
- Othman Hj. Ishak (1981), *Fatwa dalam Perundangan Islam*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (1999), *Islamic Legal Reform In The Administration*, Universiti Birmingham, London.
- Tun Mohd Salleh Abbas (1986). *The constitution of Malaysia; further perspective and development*. Singapore Oxford University Press.



Zulkifli Hasan. (2007). *Isu Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia Dan Sejauh Manakah Perlaksanaannya*. Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai, Negeri Sembilan.

Tun Mohd Salleh Abbas (1986), *The constitution of Malaysia; further perspective and development*, Singapore Oxford University Press.

Dr. Mohd Mustaffa bin Jusoh @ Yusoff  
musjusoh@kuis.edu.my

Dr. Mohd Musa bin Sarip  
mmusa@kuis.edu.my

Prof. Madya Dr. Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail  
wanfattah@usim.edu.my